

577:

PARLIMEN - MAHATHIR 1975

KUALA LUMPUR, 5 DISEMBER. (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MEMPERKEMBANG DAN MEMPERKUATKAN LAGI SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

LANGKAH INI IALAH UNTUK MEMENUHI MATALAMAT YANG DIRANCANGKAN - MEMUPUK PERPADUAN NEGARA SERTA MEMBEKALKAN TENAGA MANUSIA YANG TERLATIH DAN BERDIS

PLIN - BAGI KEPERLUAN NEGARA, KATANYA KETIKA MEMBENTANGKAN ANGGARAN KEMENTERIANNYA BERJUMLAH \$1,462.8 JUTA.

SEJUMLAH \$1,201.4 JUTA IALAH UNTUK BELANJA MENGURUS DAN \$261.4 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN. PERUNTUKAN TERSEBUT ADALAH YANG TERBESAR SE SEKALI DALAM BELANJAWAN NEGARA TAHUN DEPAN.

KATANYA USAHA-USAHA MELAKSANAKAN PEMAKAIAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR UTAMA DI SEMUA PERINGKAT PELAJARAN TERUTAMA DIPERINGKAT MENENGAH, AKAN DIPERGIAT LAGI. -- BERSAMBUNG 1737/MD

580:

PARLIMEN - MAHATHIR 2, KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA SERAMAI 7,357 ORANG GURU PELATIH AKAN DIAMBIL TAHUN DEPAN BAGI MENGIKUTI LATIHAN DI 14 BUAH MAKTAB DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

SELAIN DARI ITU EMPAT BUAH PUSAT PERGURUAN SEMENTARA JUGA AKAN DIBUKA DI PULAU PINANG, KUALA LUMPUR, KUANTAN DAN KANGAR, BAGI MENGATASI KEKURANGAN TENAGA PENGAJAR.

SERAMAI 47,769 ORANG GURU DI SEMENANJUNG AKAN MENGIKUTI KURSUS-KURSUS DALAM PERKHIDMATAN.

DI SABAH SERAMAI 1,057 GURU PELATIH AKAN DIAMBIL TAHUN DEPAN SEMENTARA 3,618 ORANG GURU AKAN DIBERI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN.

DI SARAWAK, BILANGAN PENGAMBILAN GURU PELATIH TAHUN DEPAN IALAH 1,000 ORANG SEMENTARA 20 ORANG GURU PULA AKAN MENGIKUTI KURSUS TIGA TAHUN. -- BERSAMBUNG 1744/MD

PARLIMEN-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU BAHAWA JUMLAH MURID-MURID DI SEKOLAH RENDAH AKAN MENINGKAT KE 1.6 JUTA TAHUN DEPAN SEMEN- TARA JUMLAH PE-AJAR MENENGAH DIJANGKA MENCAPI ANGKA 769,410.

JUMLAH PARA PELAJAR YANG AKAN MENGIKUTI BERBAGAI PEPERIKSAAN TAHUN DEPAN JUGA AKAN BERTAMBAH SERAMAI 36,000 MENJADI LEBIH SEJUTA TAHUN DEPAN.

SEBAGAI MENYEDARI HAKIKAT PENTINGNYA PELAJARAN TEKNIK DAN VOKESYENAL, SEBUAH SEKOLAH TEKNIK AKAN DIBUKA DI KUALA TRENGGANU DAN SEBUAH SEKOLAH VOKESYENAL AKAN DIBUKA DI KELUANG, JOHOR TAHUN DEPAN, KATANYA.

DI SARAWAK SEBUAH SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL BARU AKAN DIDIRIKAN DI MIRI TAHUN DEPAN DENGAN JUMLAH PERBELANJAN \$2.16 JUA SEMENTARA PERUNTUKAN \$3 JUTA DISEDIAKAN UNTUK PEMBINAAN BANGUNAN SEKOLAH VOKESYENAL DI KENINGAU, KUDAT DAN TAWAU DI SABAH.

DI SAMPING KEMUDAHAN-KEMUDAHAN TERSEBUT KEMENTERIAN PELAJARAN JUGA MENGUNTUKKAN \$13 JUTA SEBAGAI BANTUAN-RANCANGAN BUKU TEKS.

MENTERI PELAJARAN JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA KEGIATAN PELAJARAN TINGGI TAHUN DEPAN AKAN MELIBATKAN PERBELANJAAN \$277.94 JUTA.

UNIVERSITI TEKNOLOJI MALAYSIA AKAN MENERIMA PERUNTUKAN \$11.56 JUTA UNTUK MENGURUSKAN PERTAMBAHAN JUMLAH PELAJAR-PELAJARNYA BAGI KURUSS DIPLOMA DAN IJAZAH. --BERSAMBUNG
1815/MD

PARLIMEN- MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

UNIVERSITI MALAYA YANG AKAN MEMPUNYAI JUMLAH PELAJAR SERAMAI 8,594 TAHUN DEPAN AKAN MENERIMA PERUNTUKAN SEBANYAK \$43.38 JUTA SEMENTARA HOSPITAL UNIVERSITI SEBANYAK \$20.2 JUTA UNTUK MEMBIAYAI RANCANGAN PERKHIDMATAN PESAKIT, PROGRAM KHAS DAN LATIHAN HOSPITAL.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MENDAPAT \$22.75 JUTA UNTUK BELANJA PENGURUS-AN. PERUNTUKAN \$40 JUTA JUGA DIBUAT UNTUK MENERUSKAN PROJEKNYA DI BANGI DAN FAKULTI PERUBATAN.

UNIVERSITI PERTANIAN DENGAN JUMLAH PELAJAR SERAMAI 3,466 TAHUN DEPAN AKAN MENERIMA PERUNTUKAN SEBANYAK \$21.64 JUTA.

PERUNTUKAN YANG DICADANGKAN BAGI INSTITIUT TEKNOLOJI MARA DAN C CAWANGAN-CAWANGANNYA \$55 JUTA, TERMASUK \$24.65 JUTA BAGI PEMBANGUNAN. SEBANYAK \$3.45 JUTA DIUNTUKKAN BAGI PEMBINAAN POLITEKNIK BARU DI KUANTAN.

POLITEKNIK UNGKU UMAR DI IPOH YANG DIJANGKA MEMPUNYAI SERAMAI 1,368 PELAJAR TAHUN DEPAN AKAN MENERIMA PERUNTUKAN SEBANYAK \$2.01 JUTA. -- BERSAMBUNG-1822/MD